

KEJAYAAN PROGRAM HIJAU TIDAK MAMPU DICAPAI MELALUI AKTIVITI SEMATA-MATA, SEBALIKNYA MEMERLUKAN USAHA BERTERUSAN DENGAN MELAKUKAN PERUBAHAN KECIL DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN”

Kwan Chee Sun,
Ketua Pegawai Eksekutif
Scope International
(M) Sdn Bhd

PENGALAMAN PERTAMA INI CUKUP MENYERONOKKAN KERANA SELAIN MENDAPAT PENGETAHUAN BAHARU, SAYA JUGA ARIF TERHADAP KEPENTINGAN MENJAGA POKOK DAN ALAM SEKITAR”

Nor Azrina Ahmad Rizan,
Pelajar Fakulti
Sains Teknologi
Maklumat, UPM

Aktiviti **penanaman anak pokok** yang dilaksanakan di Bukit Ekspo UPM.



Oleh **Noor Eszereen Juferi**
bhvarsiti@bh.com.my
Serdang

Aktiviti penanaman 1,000 anak pokok menjadi acara simbolik Program Eco Day 2014 anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Scope International (M) Sdn Bhd, di sini, baru-baru ini.

Program bertema Planting for Our Planet di Bukit Ekspo UPM itu sebagai tanda menyokong aktiviti hijau bagi melestarikan alam sekitar yang mapan.

Penganjuran program turut membuktikan keprihatinan universiti dan pihak swasta dalam memenuhi tanggungjawab sosial korporat selain membudayakan masyarakat dalam mewujudkan persekitaran unggul.

Ketua Pegawai Eksekutif Scope International (M) Sdn Bhd, Kwan Chee Sun, berkata program berperanan mendidik masyarakat agar terus menyokong aktiviti hijau yang mampu membantu meningkatkan 'usaha' pemuliharaan alam sekitar.

“Kejayaan program hijau tidak mampu dicapai melalui aktiviti semata-mata, sebaliknya memerlukan usaha berterusan dengan melakukan perubahan kecil dalam kehidupan seharian,” katanya ketika berucap merasmikan program itu.

Yang turut hadir ialah Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Prof Madya Dr Abdul Rashid Jamian yang mewakili Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran.

Cabaran kitar semula

Aktiviti lain yang turut diadakan ialah cabaran kitar



UPM dengan kerjasama Scope International Malaysia anjur program **Eco Day 2014** menanam anak pokok simbolik dalam menyokong aktiviti hijau serta melestarikan alam sekitar.

semula yang memerlukan peserta menghasilkan alat praktikal dan cabaran pertempuran serta segmen trivia alam sekitar.

Pelajar Fakulti Sains

Teknologi Maklumat, UPM, Nor Azrina Ahmad Rizan, berkata program berkenaan banyak memberi pendedahan kepadanya berkaitan nama saintifik pokok selain

mengenal pasti jenis bau rempah ratus.

“Pengalaman pertama ini cukup menyeronokkan kerana selain mendapat pengetahuan baharu, saya juga arif terhadap kepentingan menjaga pokok dan alam sekitar,” katanya.

Muhammad Syafiq Farhan Boo Omar Boo dari Fakulti Pengajian pendidikan pula berkata, penganjuran program itu disifatkan kreatif dalam mendidik masyarakat UPM terutamanya pelajar terhadap isu alam sekitar.

Peserta program memulakan aktiviti **cabaran pertempuran**.



Peserta sibuk **menanam anak pokok**.

